

Pasaran kerja dijangka kembali ke paras sebelum pandemik

Pasaran kerja dijangka kembali ke paras sebelum pandemik

Pertumbuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menjangkakan pasaran pekerjaan kembali ke paras sebelum pandemik tidak lama lagi disokong oleh pemangkin ekonomi yang kukuh, ketstabilan dan pembukaan semula ekonomi secara penuh.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata sumbangan utama yang membawa kepada lantunan semula ekonomi Malaysia yang kukuh adalah menerusi pelbagai inisiatif kerajaan untuk menyokong ekonomi dan tenaga kerja, berserta moratorium kewangan dan pengeluaran tunai daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Kami gembira melihat pasaran pekerjaan mencatatkan lantunan semula bulan ke bulan yang kukuh dan kami yakin menerusi pelbagai inisiatif seperti MYFutureJobs oleh Kementerian Sumber Manusia, lebih banyak pekerjaan



Perkeso anjur pelbagai Karnival Pekerjaan di seluruh negara sejajar Inisiatif JaminKerja yang bakal menyediakan 600,000 peluang pekerjaan.

(Foto hiasan)

akan diisi dan secara perlahan kita pasti akan dapat mencapai paras sebelum pandemik," katanya.

Kami gembira melihat pasaran pekerjaan mencatatkan lantunan semula bulan ke bulan yang kukuh dan kami yakin menerusi pelbagai inisiatif seperti MYFutureJobs oleh Kementerian Sumber Manusia

Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed,
Ketua Pegawai Eksekutif Perkeso



Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur di negara ini turun 1.1 peratus daripada 687,600 pada Disember 2021, manakala perangkaan terkini pada 9 Mac, 2022 menunjukkan kadar pengangguran berada pada 4.2 peratus.

Situasi pekerjaan Malaysia terus bertambah baik pada Januari tahun ini dengan hanya 680,400 yang masih menganggur, paras terendah sejak sekatan pergerakan bermula pada Mac 2020.

Mohammed Azman berkata, dengan Bank Negara Malaysia optimis unjuran pertumbuhan Kelu-

aran Dalam Negara Kasar (KNDK) berada dalam jajaran 6 hingga 7.5 peratus pada 2022, sektor ekonomi dijangka kembali semula ke paras sebelum pandemik, justeru lebih banyak peluang pekerjaan bakal diwujudkan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Menurutnya, Perkeso telah menganjurkan pelbagai karnival pekerjaan di seluruh negara sejak lama dengan inisiatif JaminKerja yang bakal menyediakan 600,000 peluang pekerjaan.

"Meskipun tempoh sukar hampir berakhir, kami di Perkeso melihat kembali kepada operasi bagi memastikan keselamatan sosial diperkuuh dari semasa ke semasa untuk memastikan kita mampu bertahan mendepani satu lagi cabaran ekonomi pada masa hadapan," katanya.

Antara inisiatif utama yang menyelamatkan pekerja semasa pandemik adalah Skim Insurans Pekerjaan (EIS) yang kali pertama diperkenalkan pada 2017, untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan bantuan kewangan dan mencari pekerjaan dengan segera.

"Pada masa hadapan, kami berharap lebih ramai orang, khasnya mereka yang terbatit dalam ekonomi gig akan menyedari kepentingan keselamatan sosial terutama dalam mewujudkan jaringan keselamatan semasa tempoh sukar," kata Mohammed Azman. BERNAMA